



**PENGHARGAAN ....** Taufek (tiga kiri) menyampaikan cendera mata kepada wakil Kolej Komuniti Sandakan sebagai tanda penghargaan rombongan tersebut yang mengunjungi UMSKAL.

## 25 pelajar Kolej Komuniti Sandakan lawat UMSKAL

**NST 15.6.2014 5**

**LABUAN:** Seramai 25 pelajar Kolej Komuniti Sandakan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), pada Jumaat.

Rombongan tersebut telah diketuai oleh Ketua Program Kursus Pelancongan dan Pengembara, Junainah Justin dan dibantu oleh Mohd Najib Ahmad selaku pelajar kursus tersebut.

Selain UMS Labuan, rombongan yang diiringi tiga pensyarah itu turut melawat lokasi menarik dan

tempat bersejarah seperti bekas lombong arang batu Chimney, Batu Manikar dan Tugu Perang Dunia Kedua di Tanjung Taras.

Mohd Najib berkata lawatan itu juga mahu membantu mempromosikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi pelancongan yang wajar dikunjungi pelancong tempatan dan antarabangsa.

Sementara itu, Ketua Bahagian Pentadbiran, Taufek Latip mengucapkan terima kasih kepada Kolej Komuniti Sandakan yang memilih UMS Labuan sebagai salah satu

lokasi yang dilawati.

Katanya, pihak pentadbiran UMSKAL yang diterajui Pengarah, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah mengalu-alukan kunjungan pelawat dari dalam dan luar negara.

Beliau yakin lawatan singkat itu akan mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua pihak terutama yang membabitkan pelajar Kolej Komuniti Sandakan dan UMS Labuan. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN**  
- [jainudin@newsabah-times.com.my](mailto:jainudin@newsabah-times.com.my)